

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
SEMPENA PROGRAM PI MEMORIZATION COMPETITION PERLIS 2018
PADA 28 APRIL 2018
DI DEWAN KECEMERLANGAN UniMAP PAUH PUTRA,
JAM 2.00 PETANG

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Ibni Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Canselor UniMAP, Dan ;
Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP di atas perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat hadir ke majlis ini.

Ampun Tuanku,

Patik mewakili sekalian Pengurusan Universiti Malaysia Perlis merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat hadir ke majlis pada petang ini .

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku berdua menunjukkan keprihatinan Duli-duli Tuanku terhadap program-program anjuran UniMAP sekaligus membuktikan kasih yang tidak berbelah bahagi kepada patik warga UniMAP sekalian. Didoakan semoga Tuanku berdua serta seluruh kerabat Diraja sentiasa di dalam limpahan rahmat dan diberi kesihatan yang baik dari Allah Azza Wajjalla.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun.

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir. Ampun Tuanku.

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Dr Muhammad Zaini Ahmad, Dekan Institut Matematik
Kejuruteraan (IMK)

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah izin dariNya memberi kesempatan kepada kita untuk bersama-sama di Majlis Penyampaian

Hadiah sempena Program Pertandingan Menghafal Digit Pi (“Pi(□) Memorization Competition Perlis 2018”) pada petang yang berbahagia ini.

2. Saya difahamkan seramai **361 peserta** dari **19 buah sekolah** menengah di negeri ini dan tiga daripadanya adalah peserta UniMAP sendiri menyertai pertandingan yang julung kali diadakan anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP ini menerusi IMK Postgraduate Club dibantu secretariat Sains, Teknologi , Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis.
3. Justeru, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas inisiatif bagi menganjurkan program ini sekaligus dapat mencapai objektif utama penganjurannya.

Hadirin sekalian,

PERTANDINGAN HAFALAN

4. Untuk makluman semua, inisiatif mempromosikan Hafalan Digit Pi ini dimulakan oleh Dr.Mohamad Nazri Abdul Halif dalam siri ceramah *The Beauty of Physics & Mathematics* yang dilaksanakan oleh beliau secara solo (atas inisiatif peribadi bagi mempromosikan Keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia.

5. Sehingga kini, lebih dari 70 siri ceramah telah beliau laksanakan melibatkan lebih dari 300 buah sekolah. Beliau mula mempromosikan mengenai Pi World Ranking List bermula pada tahun 2016 sehingga kini.
6. Sedikit ringkasan mengenai pertandingan ini hari ini, ia dilaksanakan dengan memerlukan peserta memperdengarkan hafalan digit Pi di hadapan dua juri dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Bilangan digit Pi dikira selepas titik perpuluhan '3' dan masa hafalan akan mula dicatatkan.
7. Syarat utama hafalan adalah ketepatan digit yang disebut serta lancar iaitu jika berhenti pada sesuatu digit Pi, peserta perlu menyambung digit selepasnya dan bukan menyebut kembali digit sebelumnya.
8. Selain itu, peserta dibenarkan melakukan hafalan sebanyak dua kali dan hafalan melebihi 20 digit Pi akan melayakkan peserta tersenarai dalam Pi World Ranking List, satu laman sesawang yang mengumpul senarai individu seluruh dunia yang mampu menghafal sekurang-kurangnya 20 digit.
9. Di Perlis, kita harus berasa bangga dan bertuah kerana rakyat Malaysia pertama yang tersenarai dalam ranking dunia itu ialah seorang murid tahun empat Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Budriah iaitu adik Iskandar Mohamad Nazri dengan hafalan 60 digit Pi selama 21 saat pada 10 November tahun lalu. Manakala yang terbaharu, pada 23 Mac 2018 ,adik Yusuf Zulhimi berusia tujuh tahun dari SK

Jalan Raja Syed Alwi berjaya menghafal 52 digit Pi dalam masa 52 saat.

10. Rekod dunia yang diiktiraf oleh Pi World Ranking List dan Guinness World Records adalah 70,030 digit oleh Suresh Kumar Sharma dari negara India pada 21 Oktober 2015 dengan catatan masa selama 17 jam 14 minit. Manakala bagi pengiraan menggunakan komputer khas, rekod dunia adalah sebanyak sekitar 22 trillion digit pada 11 November 2016 oleh Peter Trub seorang Saintis Komputer dari Switzerland.

Hadirin hadirat sekalian,

OBJEKTIF MENGHAFAL DIGIT PI

11. Menghafal digit Pi mungkin sesuatu yang masih asing di Perlis amnya di seluruh negara. Malah, saya percaya banyak persepsi masyarakat yang pelbagai mengenai kaedah menghafal digit ini. Mungkin ada yang menganggap ia sukar dan mungkin ada yang masih 'zero' tentang menghafal digit ini.
12. Justeru menerusi penganjuran program ini, antara objektif utama ialah memupuk minat pelajar terhadap Matematik dalam menghargai simbol-simbol Matematik terutamanya Pi yang sering digunakan dalam pengiraan Matematik untuk subjek-subjek Sains , Kejuruteraan dan Teknologi.

13. Selain itu, menerusi program ini kita dapat mencungkil bakat kebolehan menghafal susunan digit Pi yang tidak rasional dan tidak terhingga bilangan digitnya sekaligus meletakkan sasaran lebih ramai rakyat Malaysia tersenarai dalam 'Pi World Ranking List'.
14. Kebolehan individu untuk memetakan bentuk digit Pi yang susunannya tidak rasional dan infiniti dalam minda mereka adalah antara signifikannya dan jika diteliti lebih mendalam terhadap digit ini, wujudnya pelbagai keindahan dan keunikannya yang tersendiri.
15. Lebih banyak bilangan tempat perpuluhan Pi, ianya akan lebih persis kejituan pengiraan sesuatu yang melibatkan masalah bulatan seperti yang berlaku di dalam bidang Fizik, Kimia, Biologi, Kejuruteraan dan Teknologi iaitu bidang yang amat sinonim dengan program-program pengajian di UniMAP sendiri.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

16. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap dengan lebih panjang lebar lagi. Harapan saya semoga usaha yang dilakukan ini mendapat sokongan semua pihak dan menjadi pencetus baharu dalam mempopularkan keindahan Matematik kepada masyarakat Malaysia. InsyaaALLAH.

SEMBAH PENUTUP

Ampun Tuanku,

18. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Sekali lagi patik mewakili seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih atas perkenan Duli-Duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada petang ini.

19. Semoga Duli-Duli Tuanku serta seluruh kerabat Diraja sentiasa berada dalam lingkungan kebahagiaan, sihat walafiat serta dilanjutkan usia. Amiin Yarrabbal A'lamin.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.